

## WARISAN BUDAYA TERHAKIS, SANGGUPKAH KITA?

Ayu Nor Azilah Mohamad

Universiti Islam Selangor

Email: [ayunorazilah@uis.edu.my](mailto:ayunorazilah@uis.edu.my)

Wayu Nor Asikin Mohamad

University College Bestari

E-mail: [wayu@ucb.edu.my](mailto:wayu@ucb.edu.my)

Zahanim Ahmad

Universiti Islam Selangor

E-mail: [zahanim@uis.edu.my](mailto:zahanim@uis.edu.my)

### ABSTRAK

Malaysia mempunyai sejarah latar belakang yang menarik kerana pernah menerima kunjungan para pedagang seluruh dunia. Impak proses asimilasi menghasilkan kepelbagaiannya untuk diwarisi dari generasi kepada generasi. Pengkajian khusus kepada warisan budaya ini membolehkan kita mengetahui asal usul kita, termasuk jatush bangun susur galur kita terdahulu. Akan tetapi arus globalisasi membawa perubahan kepada persekitaran kehidupan masyarakat pada hari ini termasuk warisan budaya. Warisan budaya adalah peninggalan yang merepresentasikan sistem nilai, kepercayaan, tradisi, gaya hidup dan jejak-jejak suatu kebudayaan yang terus-menerus diwariskan dari masa lalu hingga masa sekarang. Artikel ini mengupas tentang warisan budaya masyarakat majmuk yang terhakis dan berdepan dengan cabaran serta menghadapi ancaman kepupusan jika tiada apa-apa tindakan diambil dalam usaha pengekalan keaslian. Fokus perbincangan kepada aspek pakaian, makanan, adat resam, seni dan sebagainya. Contohnya amalan warisan budaya melambangkan sikap masyarakat majmuk kerana pakaian tradisional pelbagai kaum yang unik dan berwarna-warni. Metodologi kajian kepustakaan digunakan untuk menjawab objektif kajian ini. Hasil dapatan kajian menjelaskan bahawa warisan budaya kian terhakis dan memerlukan langkah menangani agar tidak terus hanyut dibawa arus kemodenan. Hal ini kerana warisan tradisi menggambarkan ikatan milik komuniti yang mewakili sejarah pada masa lalu, masa kini dan masa depan. Semua pihak berperanan penting dalam menjaga dan menjadikan warisan budaya sebagai satu identiti kaum, negara dan maruah bangsa.

Kata Kunci: Hakisan, warisan, budaya, masyarakat, majmuk

### 1. Pengenalan

Umum mengetahui bahawa negara Malaysia terkenal dengan khazanah seni, warisan dan budaya yang pelbagai. Apabila terdapat pelbagai kumpulan etnik di Malaysia yang kaya dengan nilai-nilai murni, adat dan tradisi bagi mengelakkan adat turun temurun khas buat generasi akan datang. Apatah lagi tamadun sesuatu bangsa selalunya dapat dilihat pada warisan seni budayanya. Oleh itu, budaya harus dikekalkan kerana menjadi identiti tersendiri. Budaya tradisional mencakupi amalan dan cara hidup pelbagai etnik di negara ini. Budaya melambangkan identiti sesebuah etnik. Amalan budaya tradisional kita juga melambangkan sifat majmuk masyarakat kita di Malaysia. Budaya tradisional kita juga menunjukkan budi pekerti dalam masyarakat majmuk Malaysia. Malah, budaya tradisional juga dapat memupuk perpaduan antara masyarakat majmuk di Malaysia. Masyarakat majmuk kita kaya dengan nilai tradisional yang murni. Contohnya, amalan kunjung-mengunjungi dan mengadakan rumah terbuka pada hari perayaan kaum. Masyarakat majmuk di negara ini tanpa mengira keturunan, agama dan amalan adat resam turut merayakan bersama-sama dengan jiran tetangga serta sahabat handai saling mengunjungi. Dengan mengekalan budaya tradisional, kita dapat mengetahui asal usul kita dan tidak akan mudah lupa diri. Kita sering diingatkan supaya terus memelihara dan menjaga seni, budaya dan warisan agar tidak terus hanyut dibawa arus kemodenan (Fatin Rozaini, 2019).

Warisan budaya sesebuah masyarakat merangkumi pelbagai aspek termasuk bahasa, makanan, pakaian, agama dan seni. Pendek kata, ia merangkumi aspek kehidupan sehari-hari kita. Ini termasuk warisan seni dan budaya Melayu yang juga rentam dalam bentuk persembahan, pertukangan dan persuratan. Kerencaman ini tercipta daripada aspek kehidupan masyarakat pelbagai suku kaum dan daerah di Nusantara ini. Kerencaman budaya ini kian bertambah dan menjadi lebih dinamik dalam dunia yang global dan kosmopolitan hari ini. Misalnya apabila berbicara tentang budaya Melayu, ia bukan satu tetapi rentam. Kesedaran akan kerencaman ini mengingatkan kita bahawa tidak terdapat hanya satu formula tentang budaya Melayu tetapi tentu sekali bermakna budaya tidak statik. Budaya yang kian berubah dan harus berubah mengikut keperluan serta konteks zaman. Dalam hal ini warisan juga tidak boleh dianggap sesuatu yang lama dan tidak boleh berubah. Tanggapan ini bermakna warisan itu tidak lagi hidup dan sudah mati. Untuk terus kekal relevan dengan cabaran hari ini, cara kita memahami sejarah, seni dan budaya termasuk warisan juga harus diperbaharui. Tidak semua tempat atau kawasan yang masih mengekalkan warisan budaya dalam kehidupan mereka. Hal ini kerana perubahan zaman membawa manusia ke arus kemodenan. Perubahan ini sekaligus boleh melenyapkan elemen budaya setiap kaum dalam jati diri kelompok masyarakat. Artikel ini membincangkan tentang hakisan budaya dan sanggupkah kita?

## 2. Kepelbagaiannya warisan budaya

Seterusnya, Ng Yi Jiuan (1998) mentakrifkan budaya sebagai salah satu daripada cara seseorang individu dalam kelompok masyarakat. Terdapat beberapa faktor tertentu yang dapat dilihat melalui kemunculan budaya dalam kehidupan sesebuah masyarakat seperti norma, nilai, undang-undang, kepercayaan, adat mahupun peraturan. Budaya merupakan satu fokus elemen yang digunakan oleh setiap kelompok masyarakat. Ini bermaksud cara pemikiran, cara tindakan dan peradaban yang berlaku. Perkara ini merincikan bahawa dengan kehadiran budaya dalam kelompok Melayu yang dirasai dan dialami bersama akan membentuk satu kumpulan masyarakat yang saling menjaga dan melestarikan budaya Melayu yang diwarisi dari generasi ke generasi. Budaya turut didefinisikan sebagai satu elemen yang dikayakan dan dihiasi dengan adat istiadat serta tradisi. Kedua-dua perkara ini pastinya berlaku dalam kehidupan masyarakat mahupun individu yang kemudian diwariskan dari generasi ke generasi digelar sebagai budaya Melayu. Tambahan pula, budaya dijadikan sebagai pengukur dalam segala tindak tanduk manusia (Nur Qhairun Nabihah & Mohd Yuszaidy, 2022).

Jika diteliti Sejarah Nabi Muhammad SAW, Baginda tidak pernah menganggap budaya sesebuah bangsa sebagai satu perkara negatif yang perlu disingkirkan demi kejayaan dakwah selagi tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Para pendakwah Islam dari generasi seterusnya seperti pendakwah awal yang datang ke Tanah Melayu, merangkul budaya dan meresapkannya ke dalam dakwah mereka agar lebih mudah diterima oleh masyarakat setempat. Ini menunjukkan bahawa warisan kebudayaan berperanan dalam menyampaikan kemaslahatan kepada masyarakat. Pelestarian budaya sesebuah bangsa juga secara tidak langsung akan mengekalkan sejarahnya dan mengingatkan kepada asal usul dengan menyambung tamadun kepada generasi seterusnya. Ini jelas seperti kisah jatuh bangun Kerajaan Melayu terdahulu yang sering dipaparkan dalam drama bangsawan, peralatan yang dicipta oleh orang dahulu kala bagi memudahkan kehidupan, peninggalan kota, tembok pertahanan dan senjata dapat mengingatkan kepada perjuangan nenek moyang dalam mempertahankan tanah air. Ini termasuklah manuskrip-manuskrip lama dan seni menenun kain dan membina bangunan menjadi bukti tahap keilmuan tinggi yang dikecapi oleh generasi terdahulu sebelumnya serta peninggalan warisan kebudayaan yang lain (Syed Muhammad Adib Termizi, 2023).

Ibrahim Chalid (2008) menukilkan bahawa setiap bangsa memiliki tiga wujud kebudayaan iaitu;

- (a) Kebudayaan yang berupa nilai-nilai, idea-idea, peraturan, norma dan sebagainya. Ini bersifat abstrak.

- (b) Kebudayaan sebagai suatu kompleks aktiviti dan tindakan berpola dari anggota masyarakat.
- (c) Kebudayaan yang berupa hasil karya manusia terdiri daripada artifak, seni dan sebagainya.

### 3. Hakisan warisan budaya

Globalisasi yang dipacu dengan kepentasan pertukaran maklumat melalui media elektronik telah membawa integrasi dalam setiap aspek kehidupan manusia termasuk kebudayaan. Ini menyebabkan penghakisan dan kepupusan budaya sesebuah bangsa apabila digantikan dengan budaya masyarakat lain. Amalan budaya dalam masyarakat boleh berubah seiring dengan peredaran masa yang membuat peluang kepada pengaruh yang datang dari luar ruang budaya Masyarakat luar lalu bertembung. Ini menyebabkan budaya mengalami proses perubahan sama ada secara asimilasi ataupun akulterasi. Proses asimilasi budaya berlaku apabila dua budaya bertembung dan disesuaikan antara satu sama lain. Manakala akulterasi merupakan adaptasi budaya asing terus ke dalam budaya sendiri kerana masyarakat menerima perubahan budaya secara total terutama apabila tidak ada percanggahan dari segi adat dan agama. Perubahan disesuaikan dengan kehendak masyarakat kerana hanya mereka yang boleh menentukan corak budaya mereka sendiri. Faktor lain seperti ekonomi atau politik mungkin memainkan peranan terhadap perubahan tetapi perkembangan teknologi memberi kesan yang lebih besar berbanding faktor-faktor lain. Budaya tradisional makin terhakis kerana pmodenisasi dan kemunculan masyarakat urban. Mereka semakin banyak pilihan dan pendedahan dalaman atau luaran menyebabkan mereka tidak terikat dengan amalan-amalan tradisi malah lebih bersikap individualistik. Warisan budaya Melayu juga tidak terlepas dari mengalami nasib yang sama. Lebih menyedihkan apabila warisan budaya Melayu disifatkan sebagai kolot, mundur dan penghalang kepada kemajuan dan menghambat kemakmuran (Wan Abdul Kadir, 1988)

Berpakaian adalah keperluan bagi setiap orang namun bagi wanita yang mementingkan penampilan, maka fesyen adalah arus perubahan trend yang mesti diikuti atau diambil tahu. Semestinya Wanita muhu keterampilan yang menyerlah melebihi sesiapa pun semasa hari perkahwinannya sebagai Raja Sehari. Busana pengantin Melayu berubah-ubah mengikut trend fesyen semasa setiap dekad. Selain hantaran dan pelamin serta hiasan dewan atau majlis bertema, laces dan labuci, layah kepala (veil) tiara, korset, pengapit pengantin, *flover girl* atau *boy* mula terbiasa menjadi ikutan. Walaupun sehingga kini material tradisi seperti songket masih dikekalkan tetapi pengubahsuaian dan pertambahan dengan material yang lebih moden menjadikan busana pengantin kelihatan lebih kontemporer dan up-to-date. Pemakaian tudung bersama layah (veil) dipopularkan dalam busana pengantin yang disesuaikan pertambahan aksesori mahkota atau tiara. Sesetengah gaya atau budaya barat tiada tentangan kerana tidak bercanggah dengan hukum Islam. Akulterasi budaya yang berunsurkan fesyen popular ini terus diamalkan sehingga kini. Dengan perkembangan teknologi dan inovasi tekstil, pengantin mempunyai lebih banyak pilihan fabrik yang membuatkan pengantin tampak sangat elegan dan menawan (Shaliza et al, 2015).

Malaysia sememangnya kaya dengan kepelbagaian budaya, cara hidup, adat dan agama. Makanan tradisi merupakan satu faktor kepelbagaian dan warna warni budaya yang terdapat dalam kalangan rakyat Malaysia. Masyarakat Melayu terkenal dengan kuih seperti kuih seri muka, kuih bom, karipap, lepat pisang, kuih bahulu dan kuih koci. Manakala masyarakat Cina terkenal dengan kuih bulan dan kuih bakul. Bagi masyarakat India pula terdapat makanan seperti vadai dan maruku. Kuih tradisional di Malaysia menjadi satu identiti dan keunikan yang tidak terdapat di negara lain. Hal ini menjadi satu sumber tarikan pelancong yang dapat menarik minat orang luar untuk mengunjungi negara yang penuh dengan kepelbagaian budaya ini. Oleh itu, agak memalukan bagi warganegara Malaysia jika tidak mengenali kuih tradisional sendiri. Kini, kuih tradisional semakin hilang dalam kalangan generasi baharu. Remaja pada hari ini kebanyakannya tidak mengenali kuih muih tradisional yang

semakin luput daripada lidah masyarakat Melayu. Seiring dengan perkembangan dunia yang mendedahkan kita kepada dunia luar membuatkan masyarakat lebih gemar mencuba biskut moden berasal dari luar. Ini menunjukkan bahawa sajian tradisi ini kian hilang gara-gara peribadi dan sikap masyarakat sendiri (Aniza, 2019).

Tidak dapat disangkal faktor kemodenan telah membawa masuk banyak unsur budaya asing ke dalam diri sebahagian masyarakat terutama golongan muda. Dalam media sosial sahaja sudah penuh dengan unsur luar yang menyebabkan hilangnya jati diri dalam kalangan anak-anak muda. Anak-anak muda hari ini seringkali didedahkan dengan makanan ala-ala barat yang dianggap lebih mewah daripada kuih tradisional. Pemikiran mereka sudah dipengaruhi oleh perspektif yang melihat makanan seperti kek coklat, brownies, tiramisu, kek krim dan sebagainya sebagai makanan mewah. Apatah lagi, kuih seperti ini seringkali digunakan sebagai pencuci mulut di hotel ternama. Manakala kuih tradisi seperti kuih seri muka dan wajib semakin diabaikan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kepupusan kuih tradisional tempatan ini adalah disebabkan sikap masyarakat Malaysia terhadap makanan tradisi. Ini seiring dengan perkembangan dunia hari ini yang mendedahkan kita kepada dunia luar. Ini membuatkan masyarakat lebih gemar mencuba makanan moden termasuk kuih muih yang berasal dari luar. Hilang minat dan tiada pendedahan awal mengenai makanan tradisional serta sikap lebih mengagungkan makanan luar negara dianggap menyumbang ke arah kepupusan sajian istimewa tradisi ini. Kerumitan cara pembuatan juga menjadi menyebab. Contohnya proses pembuatan bahulu yang rumit menjadikan kuih bahulu itu sedap dan enak dimakan. Proses memukul telur manual penting bagi membolehkan kuantiti udara masuk ke dalam ramuan dan menjadikan kuih bahulu lembut pada bahagian dalam. Penyediaan kuih dengan menggunakan ketuhar adalah kurang baik dan tidak memberikan hasil yang sama dengan kaedah tradisional (Mudianan, 2021).

Era zaman digital yang serba maju meletakkan kita dalam dilema sama ada mencari peluang baharu atau meninggalkan tradisi kita yang dianggap tidak relevan lagi oleh sesetengah pihak. Hakikatnya, hari ini kita menerima cabaran yang hebat apabila warisan tradisi diganti dengan kemaraan teknologi maklumat yang tidak dapat dibendung lagi. Jangka hayat seni kebudayaan termasuk permainan tradisional bakal lenyap dalam tempoh 20 tahun lagi apabila generasi masa kini tidak lagi berminat untuk memeliharanya ekoran ledakan teknologi dan peredaran zaman. Antara budaya dan permainan tradisional yang semakin dilupakan termasuk gasing, congkak, konda kondi, ketinting, tuju getah, tuju selipar dan lagu rakyat, sebahagian adat-adat perkahwinan, jenis-jenis tarian seperti makyung, kuda kepang dan awang batil. Penggiat seni di negara ini membayangkan bahawa ketiadaan pewaris baharu yang berminat untuk menyambung warisan akan mengakibatkan beberapa amalan tradisi terus dipinggirkan dan dilupakan buat selamanya. Terdapat dua faktor utama yang menjadi penanda aras bahawa jangka hayat khazanah tidak akan bertahan lama. Kebanyakan adiguru atau tokoh penggiat seni terdahulu sudah semakin hilang tanpa diwarisi legasi generasi masa kini. Faktor kedua ialah tidak menggunakan pendekatan konvensional yang sama dengan melayan karenah birokrasi sedia ada.

Sesuatu yang sangat merugikan sekiranya segala seni dan adat budaya itu hilang ditelan zaman kerana Malaysia terdiri daripada masyarakat berbilang kaum dan dari latar belakang kepada akar tradisi yang menentukan jati diri masing-masing. Keunikan Malaysia terletak kepada seni budaya seperti wayang kulit di Kelantan hingga tarian kuda kepang dan zapin di selatan Johor. Jika masih ada yang kenal dan tahu mengenai seni budaya warisan tetapi sudah pasti penghayatan yang dimiliki pasti tidak sama kerana konsep yang berbeza seperti perkahwinan yang menjadi semakin mudah dan tidak memberi kesan yang besar. Perkara ini memberi impak jangka masa Panjang terhadap jati diri generasi muda terutama kepada bangsa, agama dan negara. Pelbagai masalah sosial juga timbul seperti cendawan akibat penghayatan yang lemah. Walaupun mempunyai teknologi namun perkara ini tidak diselaraskan (Harrith, 2022).

Menurut adat resam Melayu, semua ahli keluarga khususnya anak-anak terikat secara ketat supaya menghormati ibu bapa sebagai ketua keluarga termasuk orang yang menyara dan membesarakan mereka. Oleh itu, kesetiaan dan kepatuhan yang tidak dapat dipersoalkan harus diberikan kepada mereka. Ini termasuk dengan semua rasa hormat yang patut diberikan dan ditunjukkan dalam segala perbuatan serta tingkah laku sehari-hari. Umpamanya, apabila seorang anak disuruh oleh ibu atau bapa, dia harus mengadirkan diri dengan secepat mungkin dalam pakaian yang wajar termasuk pemakaian songkoknya kecuali jika anak itu terlalu kecil untuk mematuhi adat ini. Pada zaman silam, seorang anak yang bersemuka dengan ibu bapanya dengan rokok pada mulutnya dianggap terlalu menghina walaupun anak itu sudah pun menjadi bapa pada dirinya. Ketika seorang anak berhadapan dengan ibu bapanya, dia harus berkelakuan baik dan menghormati ibu bapanya. Contohnya, dia tidak boleh menyilangkan kakinya ketika berdudukan di atas kerusi atau duduk dengan satu kaki tegak di atas lantai. Seorang anak perempuan diwajibkan berkelakuan lebih lembut dan lebih menghormati ibu bapanya. Serupa juga seseorang yang lebih muda harus menghormati orang-orang yang lebih tua. Malangnya, adat ini hampir pupus khususnya dalam kalangan orang Melayu bandar dan moden yang terlalu dipengaruhi oleh adat Barat (Alwi, 1962).

#### 4. Cabaran dan langkah-langkah pengekalan warisan budaya

Apakah yang perlu dilakukan agar adat dan budaya termasuk kuih tradisional Malaysia dapat dikekalkan dan dihargai oleh generasi akan datang?

Peranan utama terletak pada setiap individu. Seorang individu terutamanya dari kalangan muda perlu mengurangkan penerimaan unsur luar, bukanlah menyingkirkan secara penuh tetapi hanya untuk menghargai unsur kebudayaan yang terdapat dalam negara sendiri. Peranan kedua terletak pada sistem Pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia seharusnya bertindak dengan lebih tegas dan proaktif untuk memastikan makanan tradisi termasuklah kuih muah tradisional diterapkan dalam kandungan pengajaran di sekolah. Penerapan ini perlu bermula sejak sekolah rendah lagi. Kanak-kanak lebih mudah menerima berbanding dengan golongan dewasa. Walaupun ada cabaran-cabarhan yang harus berdepan, harapan untuk generasi muda adalah mereka dapat menyumbang kepada perkembangan dan pemantapan warisan yang diwarisi.

Dunia baharu tidak seharusnya menyekat kreativiti seni dan budaya. Apa yang lebih penting adalah hubungan antara pencipta seni dan penerimaan seni yang terjalin pada saat persembahan itu dilakukan. Apa yang harus diprihatinkan adalah nilai murni dan universal di sebalik karya seni yang hendak disampaikan kepada penonton. Dalam dunia yang kian berubah hari ini, lebih baik jikalau kita mempunyai sikap terbuka untuk memberi ruang kepada penciptaan seni dan budaya dengan menggunakan wadah dan cara baharu. Penggunaan teknologi digital menjadi kebiasaan dan keperluan hari ini. Gabungan alat dan wadah baru harus dilakukan supaya karya dan kegiatan seni serta budaya dapat diteruskan. Malah, penggunaan teknologi boleh menjadi pemangkin kreativiti dalam penghasilan karya atau pun kegiatan seni. Seni juga seharusnya berfungsi untuk mencerminkan kondisi dan menyoal masalah masyarakat perlu diberi perhatian. Jika wacana budaya tidak dibangunkan akan mendepani kesukaran untuk tangani iaitu unsur tradisionalisme dalam praktik dan pemahaman warisan. Ini berbalik kepada sifat seni, budaya dan warisan yang hidup dan tidak mati. Kekurangan perhatian kepada wacana budaya mengakibatkan pengekalan romantisme dan tradisional budaya tidak disoal dan difikir ulang (Melati, 2022). Kesenian dan kebudayaan negara perlu terus diperkasa agar tidak ditelan zaman. Mengambil contoh Mak Yong iaitu seni warisan tertua dari Negeri Kelantan dan turut diiktiraf oleh Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa

Bersatu (UNESCO) sebagai Karya Agung Warisan Tidak Ketara. Karya seni ini perlu dipelihara untuk generasi akan datang. Akademi Seni dan Budaya Kebangsaan (ASWARA) membukukan segala karya seni tradisional bahkan tenaga pengajar juga adalah dalam kalangan pakar iaitu mereka yang berkemahiran. Ini antara langkah untuk mengelakkan generasi akan datang tidak tahu mengenai seni warisan negara. Karya seni inilah yang akan mewujudkan keharmonian dan keunikan dalam masyarakat yang pelbagai bangsa (Liyana Nashita, 2021).

Antara lain, sikap bakhil individu yang berkemahiran menghasilkan menu tradisional untuk dikongsikan kepada orang lain turut menyumbang kepada kepupusan dan cabaran dalam mengekalkan makanan warisan. Terdapat segelintir pewaris resepi khuatir sekiranya resepi yang dikongsi akan dikomersialkan. Sedang ini satu daripada cara pemasaran untuk memastikan kelangsungan hidangan berkenaan. Kebiasaannya, perkongsian resepi tradisional keluarga akan berlaku dalam kalangan ahli keluarga sahaja. Sedangkan perkongsian resepi menerusi atas talian amat bersesuaian dengan trend semasa yang diguna pakai masyarakat hari ini meskipun dikenakan bayaran. Ini boleh menjadi satu punca pendapatan bagi individu di samping mengekalkan makanan tradisi. Namun begitu, ‘guru’ yang berkongsi resepi harus jujur. Apabila ‘guru’ tidak jujur dan menyembunyikan ramuan atau cara tertentu, pastinya hasil tidak menjadi. Apabila makanan tidak menjadi, mereka akan hilang kepercayaan orang ramai. Penghasilan makanan tradisional memerlukan adunan dan ukur timbang yang tepat bagi menghasilkan kuih yang sempurna. Atas faktor ini juga masyarakat kita melihat agak rumit untuk disediakan (Aniza, 2019).

Penghasilan buku atau ensiklopedia yang mengandungi semua sajian makanan agar boleh dijadikan rujukan pada masa depan. Rekod dan dokumen mengenai ramuan dan penghasilan kuih muah tradisional sangat jarang didokumentasikan mahupun penganjuran pertandingan berkaitan sering diadakan. Ini bukan hanya untuk disimpan sebaliknya digunakan sebaik-baiknya oleh generasi akan datang terutama kaedah penyediaan pelbagai makanan itu. Selain itu, turut disarankan agar kursus bidang seni kulinari diperluaskan lagi bagi memartabatkan sajian makanan warisan selain memberi kesedaran mengenai khasiat.

Langkah seterusnya ialah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) membuat projek penyelidikan dan dokumentasi berdasarkan lima kategori iaitu adat resam, makanan tradisional, permainan tradisional, bahasa dan seni persempahan. JKKN melaksanakan penyelidikan bagi setiap negeri melibatkan warisan berbeza seperti negeri Kedah memfokuskan kepada makanan tradisional iaitu Kuih Bunga Pudak; Negeri Sembilan melibatkan Puisi Bersandoi; Kelantan pula Gendang Kecapi Buluh; Perlis iaitu muzik Benduan dan terkini, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) sedang mendokumentasikan Puisi Rejang di Melaka. Kebanyakan warisan budaya ini tidak lagi diwarisi anak-anak atau komuniti. Hal ini faktor pengamal dan penggiat seni semakin lanjut usia dan ada dalam kalangan mereka yang berumur 80-an menyebabkan warisan ini semakin hilang dan dilupakan. Projek ini diperkasakan dengan terbitan dalam bentuk penulisan tepat dan rakaman daripada sumber asal dapat dihasilkan bagi rujukan masa depan. Projek dokumentasi warisan seni dan budaya ini akan dibentang dan dikumpulkan. Seterusnya diedarkan di universiti awam, institusi pengajian tinggi swasta, sekolah dan badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan. Budaya dan warisan bangsa adalah sesuatu yang signifikan dan khazanah berharga merangkumi aspek amalan, tradisi dan peninggalan zaman berzaman yang mempunyai nilai tinggi peninggalan nenek moyang. Usaha merekodkan budaya bangsa ini termasuk dokumen dan peninggalan bertulis supaya dapat disimpan serta dipelihara dengan kaedah yang betul kerana ini adalah sesuatu yang amat berharga (BERNAMA, 2021).

## 5. Kesimpulan

Kepelbagaiannya kumpulan etnik di Malaysia yang kaya dengan nilai-nilai murni, adat dan tradisi yang mengekalkan adat turun temurun khas buat generasi akan datang. Warisan bukanlah perkara-perkara lama ataupun hal-hal yang ditelan zaman. Warisan hidup dalam kita semua sama ada melalui makanan, pakaian, seni, adat dan sebagainya. Apa yang kita lakukan dan bicarakan dalam hal ini akan menjadi warisan anak-anak generasi hadapan. Diharapkan belia kita boleh terus menyumbang semangat dan idea-idea baru supaya dipraktikkan, pengertian dan apresiasi terhadap seni, budaya dan warisan Melayu terus hidup, mekar dinamik. Lantas, sikap kepedulian dan tanggungjawab masyarakat kita untuk mendalamai, bukan sahaja melalui persempahan tetapi perbincangan, penyelidikan dan memikirkan cara-cara baharu untuk menyampaikan karya-karya mereka. Cabaran dalam mengekalkan tradisi memerlukan langkah-langkah pemerkasaan agar arus globalisasi tidak menenggelamkan semuanya. Semua pihak perlu ambil peduli bermula dengan diri sendiri, ibu dan bapa, pemilik resepi, pakar pemakanan, Institusi Pengajian Tinggi dengan menawarkan kursus kuliner yang mengutamakan sajian makanan tradisional dan sebagainya. Perubahan mengikut keperluan selesa semasa boleh akan tetapi tidak melupuskan resepi asal makanan tersebut. Namun, jika generasi hari ini tidak mengambil peduli, adakah kita sanggup untuk kehilangan makanan tradisional kita?

## 6. Rujukan

- Aniza Zainudin. (5 Jun 2019). Sajian tradisi kian dilupakan. <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2019/06/462677/sajian-tradisi-kian-dilupakan>. Dirujuk pada 10 Jun 2024.
- Alwi Sheikh Alhadi. (1962). *Malay customs and traditions*. Percetakan Universiti-universiti Timur Ltd.
- BERNAMA. (17 Julai 2021). Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. <https://portal.jkkn.gov.my/ms/keratan-akhbar/250JKKN%20Dokumentasi%20Seni%20Warisan%20Tanpa%20Pewaris>
- Chalid, Ibrahim. (2008). Peradaban Melayu Sebagai Khasanah Peradaban Nusantara. In: Seminar "Revitalisasi Peradaban Melayu Dalam Kekinian, 25 Agustus 2008, Banda Aceh. (Unpublished).
- Fatin Rozaini Abdul Aziz. (6 November 2019). Haaa...jangan tak tahu, inilah 6 seni budaya dan warisan di Malaysia!. <https://www.mstar.com.my/travel/destinasi/2019/11/06/rentak-selangor>. Dirujuk pada 4 Jun 2024.
- Harrith Hisham. (1 Ogos 2022). Permainan tradisional lenyap 20 tahun lagi. <https://www.kosmo.com.my/2022/08/01/seni-budaya-permainan-tradisional-lenyap-20-tahun-lagi/>. Dirujuk pada 10 Jun 2024.
- Liyana Nashita. (18 November 2021). Belia pencorak warisan Melayu-apakah cabaran dan harapan? <https://berita.mediacorp.sg/komentar/komentar-belia-pencorak-warisan-melayu-apakah-cabaran-dan-612816>. Dirujuk pada 1 Jun 2024.
- Melati Mohd Ariff. (23 ogos 2022). Seni dan budaya teguhkan perpaduan. <https://www.bernama.com/bm/bfokus/news.php?id=2113582>. Dirujuk pada 1 Jun 2024.
- Mudiana Mukhsin. (10 Mei 2021). Kuih tradisional tempatan diancam kepupusan. *Dewan Budaya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ng Yi Jiuan. (1998). Pemaparan Budaya Popular Di Malaysia: Satu Kajian Kes Ke Atas Laporan Konsert Kru Dan Michael Jackson Dalam Berita Harian. *Tesis Ijazah Sarjana*. Universiti Sains Malaysia.

- Nur Qhairun Nabiha Hussin & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2022). Pengekalan Budaya Melayu Dalam Masyarakat Melayu Kampung Padang Balang, Gombak. *Jurnal Wacana Sarjana* Volume 6(3) June 2022: 1-11; e-ISSN 2600-9501.
- Shaliza et al. (2015). Perkembangan Budaya Popular dan Perubahan SosioBudaya Masyarakat Pasca Moden: Adaptasi Budaya Asing Dalam Perkahwinan Melayu. *ICOMHAC2015 eproceedings* 16-17 Disember 2015, Century Helang Hotel, Pulau Langkawi
- Syed Muhammad Adib Termizi Ahmad al-Jafari. (2023). Pelestarian Warisan Kebudayaan Melayu Menyumbang Kepada Penjagaan Agama. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. September 2023 |Vol. 28 No.3.1-16.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (1988). *Budaya Popular dalam Masyarakat Bandaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.